

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (PENJAGAAN KANAK-KANAK), 1999

SUSUNAN BAB-BAB

**Bab**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tidak dikenakan.
3. Tafsiran.
4. Kebajikan kanak-kanak hendaklah diberikan pertimbangan utama.
5. Hak sama rata ibu untuk memohon kepada mahkamah.
6. Kuasa mahkamah untuk membuat, melepaskan atau meminda perintah bagi penjagaan dan nafkah kanak-kanak.
7. Hak-hak ibu atau bapa yang masih hidup tentang penjagaan.
8. Kuasa bapa dan ibu untuk melantik penjaga menurut wasiat.
9. Pertikaian di antara penjaga-penjaga bersama.
10. Penguatkuasaan perintah bagi pembayaran wang.
11. Pemecatan penjaga.
12. Perkara-perkara hendaklah dipertimbangkan.
13. Perubahan amanah bagi nafkah kanak-kanak.
14. Pengemukaan kanak-kanak.
15. Meletakkan kanak-kanak dalam jagaan penjaga.
16. Jaminan hendaklah diberikan.
17. Had kuasa penjaga.
18. Penjaga tidak boleh memberi pelepasan bagi harta modal.
19. Penjaga boleh menyara kanak-kanak dari pendapatan.

20. Perintah khas dalam hal estet kecil.
21. Permohonan untuk meminta pendapat dsb.
22. Kekecualian bagi wang yang dibayar masuk ke dalam mahkamah rendah.
23. Aturan-aturan.
24. Pengecualian.

Bil. S 31

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT (PENJAGAAN KANAK-KANAK), 1999**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. [1] Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Penjagaan Kanak-Kanak), 1999 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Ogos, 1999.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi penjagaan kanak-kanak, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya".

Tidak dikenakan.

2. Perintah ini hendaklah tidak dikenakan dalam sebarang hal jika mana-mana pihak menganut ugama Islam.

Tafsiran.

3. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"hakim" bermakna seseorang hakim Mahkamah Tinggi yang bersidang dalam kamar;

"mahkamah" bermakna Mahkamah Tinggi atau seseorang hakimnya apabila bersidang di mahkamah terbuka.

(2) Sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada "Perintah ini" hendaklah dianggap termasuk sebutan kepada sebarang undang-undang lain yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini, berkenaan dengan penjagaan kanak-kanak.

Kebajikan kanak-kanak hendaklah diberikan pertimbangan utama.

4. Jika dalam sebarang prosiding di hadapan mahkamah penjagaan atau pengasuhan seseorang kanak-kanak atau pentadbiran sebarang harta kepunyaan atau yang dipegang atas amanah untuk seseorang kanak-kanak atau penggunaan pendapatannya dipersoal, maka mahkamah, dalam memutuskan persoalan itu, hendaklah menganggap kebajikan kanak-kanak itu sebagai pertimbangan yang pertama sekali dan utama dan, kecuali setakat mana kebajikan itu menghendaki dengan cara lain, bapa seseorang kanak-kanak hendaklah tidak dianggap mempunyai

sebarang hak melebihi hak ibu berkaitan dengan penjagaan, pentadbiran atau penggunaan tersebut dan ibu hendaklah juga tidak dianggap mempunyai sebarang tuntutan melebihi tuntutan bapa.

5. Ibu seseorang kanak-kanak hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang sama untuk memohon kepada mahkamah berkaitan dengan sebarang perkara mengenai kanak-kanak yang dipelihara oleh bapa.

Hak sama rata ibu untuk memohon kepada mahkamah.

6. Mahkamah boleh, atas permohonan sama ada ibu atau bapa atau mana-mana penjaga yang dilantik di bawah Perintah ini, membuat perintah sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut berhubung dengan penjagaan kanak-kanak tersebut, hak untuk melihatnya dan pembayaran sebarang jumlah wang untuk nafkah kanak-kanak tersebut dan boleh menukar, mengubah atau melepaskan perintah tersebut atas permohonan sama ada ibu atau bapa atau mana-mana penjaga yang dilantik di bawah Perintah ini.

Kuasa mahkamah untuk membuat, melepaskan atau meminda perintah bagi penjagaan dan nafkah kanak-kanak.

7. (1) Atas kematian bapa seseorang kanak-kanak, ibu, jika masih hidup, hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, menjadi penjaga kanak-kanak tersebut, sama ada bersendirian atau bersesama dengan mana-mana penjaga yang dilantik oleh bapa. Apabila tiada penjaga dilantik oleh bapa, atau jika penjaga yang dilantik oleh bapa mati atau enggan bertindak, maka mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, melantik seorang penjaga untuk bertindak secara bersesama dengan ibu.

Hak-hak ibu atau bapa yang masih hidup tentang penjagaan.

(2) Atas kematian ibu seseorang kanak-kanak, bapa, jika masih hidup, hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, menjadi penjaga kanak-kanak tersebut, sama ada bersendirian atau bersesama dengan mana-mana penjaga yang dilantik oleh ibu. Apabila tiada penjaga dilantik oleh ibu, atau jika penjaga yang dilantik oleh ibu mati atau enggan bertindak, maka mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, melantik seorang penjaga untuk bertindak secara bersesama dengan bapa.

(3) Jika seseorang kanak-kanak tidak mempunyai ibu atau bapa, penjaga orang itu dan orang lain tidak mempunyai hak-hak keibubapaan berkenaan dengannya, mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana orang, jika difikirkannya patut, melantik pemohon untuk menjadi penjaga kanak-kanak tersebut.

8. (1) Bapa seseorang kanak-kanak boleh dengan suratikatan atau wasiat melantik mana-mana orang untuk menjadi penjaga kanak-kanak tersebut selepas kematian bapa.

Kuasa bapa dan ibu untuk melantik penjaga menurut wasiat.

(2) Ibu seseorang kanak-kanak boleh dengan suratikatan atau wasiat melantik mana-mana orang untuk menjadi penjaga kanak-kanak tersebut selepas kematian ibu.

(3) Mana-mana penjaga yang dilantik itu hendaklah bertindak secara bersesama dengan ibu atau bapa, mengikut mana yang berkenaan, kanak-kanak tersebut selagi ibu atau bapa masih hidup, melainkan jika ibu atau bapa tidak bersetuju penjaga tersebut bertindak demikian.

(4) Jika ibu atau bapa tidak bersetuju, atau jika penjaga yang dilantik itu menganggap bahawa ibu atau bapa tidak layak menjaga kanak-kanak tersebut, penjaga tersebut boleh memohon kepada mahkamah.

(5) Jika suatu permohonan dibuat di bawah cerai (4), mahkamah boleh sama ada enggan membuat sebarang perintah (dalam hal tersebut ibu atau bapa hendaklah terus menjadi penjaga tunggal) atau membuat suatu perintah bahawa penjaga yang dilantik itu hendaklah bertindak secara bersesama dengan ibu atau bapa, atau bahawa dia hendaklah menjadi penjaga tunggal bagi kanak-kanak tersebut, dan dalam hal yang disebut kemudian boleh membuat perintah itu berhubung dengan penjagaan kanak-kanak tersebut dan hak ibu atau bapa untuk melihatnya sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut oleh mahkamah, dengan memberi perhatian kepada kebajikan kanak-kanak tersebut.

(6) Jika suatu permohonan dibuat di bawah cerai (4), mahkamah boleh selanjutnya memerintahkan bahawa ibu atau bapa hendaklah membayar kepada penjaga tersebut untuk nafkah kanak-kanak tersebut suatu jumlah wang mingguan atau berkala lain sebagaimana yang mungkin dianggap munasabah oleh mahkamah, dengan memberi perhatian kepada kemampuan ibu atau bapa.

(7) Jika penjaga-penjaga dilantik oleh kedua ibu bapa, penjaga-penjaga yang dilantik itu hendaklah, selepas kematian ibu atau bapa yang masih hidup, bertindak secara bersesama.

(8) Seseorang penjaga yang telah dilantik oleh mahkamah untuk bertindak secara bersesama dengan ibu atau bapa yang masih hidup hendaklah terus bertindak sebagai penjaga selepas kematian ibu atau bapa yang masih hidup itu. Jika ibu atau bapa yang masih hidup itu telah melantik seorang penjaga, penjaga yang dilantik oleh mahkamah itu hendaklah bertindak secara bersesama dengan penjaga yang dilantik oleh ibu atau bapa yang masih hidup itu.

Pertikaian di antara penjaga-penjaga bersama.

9. (1) Jika dua orang atau lebih bertindak sebagai penjaga-penjaga bersama bagi seseorang kanak-kanak dan tidak dapat bersetuju dengan sebarang persoalan mengenai kebajikan kanak-kanak tersebut, mana-mana daripada mereka boleh memohon kepada mahkamah untuk

mendapatkan arahnya, dan mahkamah boleh membuat perintah berhubung dengan perkara-perkara yang dipertikaikan sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

(2) Jika suatu permohonan dibuat di bawah cerai (1), mahkamah hendaklah, selain dari sebarang kuasanya yang lain, mempunyai kuasa —

(a) untuk membuat perintah berhubung dengan penjagaan kanak-kanak tersebut dan hak ibu atau bapa untuk melihatnya sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh mahkamah, dengan memberi perhatian kepada kebajikan kanak-kanak tersebut;

(b) untuk memerintahkan supaya ibu atau bapa membayar untuk nafkah atau pendidikan kanak-kanak tersebut suatu jumlah wang mingguan atau berkala lain sebagaimana yang mungkin dianggap munasabah oleh mahkamah, dengan memberi perhatian kepada kemampuan ibu atau bapa; dan

(c) untuk mengubah atau melepaskan sebarang perintah yang dahulunya dibuat di bawah bab ini.

10. (1) Apabila mahkamah telah membuat sebarang perintah di bawah Perintah ini bagi pembayaran wang, ia hendaklah, selain dari sebarang kuasa lain untuk menguatkuasakan supaya perintah itu dipatuhi, mempunyai kuasa, jika terdapat sebarang pencen atau pendapatan yang kena dibayar kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat yang boleh ditahan, selepas memberikan kepada orang yang kena membayar pencen atau pendapatan itu peluang untuk didengar, untuk memerintahkan supaya sebahagian dari sebarang pencen atau pendapatan itu ditahan sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh mahkamah dan dibayar kepada orang-orang yang dinamakan oleh mahkamah.

Penguatkuasaan perintah bagi pembayaran wang.

(2) Suatu perintah yang dibuat di bawah cerai (1) hendaklah menjadi autoriti kepada orang yang kena membayar pencen atau pendapatan itu untuk membuat pembayaran yang diperintahkan demikian. Penerimaan orang yang kepadanya pembayaran itu diperintahkan untuk dibuat adalah pelepasan yang sah bagi orang yang kena membayar pencen atau pendapatan itu.

(3) Bab ini hendaklah mengikat Kerajaan.

11. Mahkamah atau seseorang hakim boleh memecat mana-mana penjaga daripada penjagaannya dan boleh melantik penjaga lain bagi menggantikannya.

Pemecatan penjaga.

- Perkara-perkara hendaklah dipertimbangkan.
12. Mahkamah atau seseorang hakim, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perintah ini, hendaklah memberi perhatian pertama sekali kepada kebajikan kanak-kanak tersebut dan hendaklah, jika kanak-kanak tersebut mempunyai ibu atau bapa atau ibu bapa, menimbangkan hasrat ibu atau bapa tersebut atau kedua-duanya, mengikut mana yang berkenaan.
- Perubahan amanah bagi nafkah kanak-kanak.
13. Jika seseorang kanak-kanak, dengan suatu perintah mahkamah yang dibuat di bawah Perintah ini, dikeluarkan daripada jagaan mana-mana orang yang berhak menerima di bawah apa-apa amanah sebarang jumlah wang berkaitan dengan nafkah kanak-kanak tersebut, mahkamah boleh memerintahkan supaya kesemua atau mana-mana bahagian jumlah wang yang kena dibayar di bawah amanah itu dibayar kepada orang yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak tersebut, untuk digunakan oleh orang yang disebut kemudian itu bagi faedah kanak-kanak tersebut mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh mahkamah, dengan memberi perhatian kepada terma-terma amanah itu.
- Pengemukakan kanak-kanak.
14. Seseorang hakim boleh, bagi maksud sebarang permohonan di bawah Perintah ini, mengarahkan bahawa mana-mana orang yang hadir untuk mendapatkan penjagaan seseorang kanak-kanak hendaklah mengemukakan kanak-kanak tersebut di dalam kamar hakim atau di suatu tempat lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh hakim tersebut. Hakim tersebut boleh membuat perintah sebagaimana yang difikirkannya patut bagi penjagaan sementara dan perlindungan kanak-kanak tersebut.
- Meletakkan kanak-kanak dalam jagaan penjaga.
15. Jika seseorang kanak-kanak meninggalkan, atau dikeluarkan daripada, jagaan penjaganya yang sah, mahkamah atau seseorang hakim boleh memerintahkan supaya dia dikembalikan ke jagaan tersebut. Bagi maksud-maksud menguatkuasakan perintah itu, mahkamah atau hakim tersebut boleh mengarahkan supaya sheriff mengambil diri kanak-kanak tersebut dan menyerahkannya ke dalam jagaan penjaganya yang sah.
- Jaminan hendaklah diberikan.
16. (1) Seseorang yang dilantik oleh mahkamah sebagai penjaga harta seseorang kanak-kanak hendaklah, melainkan jika hakim tersebut mengarahkan dengan cara lain, memberi jaminan dengan suatu jumlah wang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh mahkamah agar kewajipan-kewajipannya sebagai penjaga sempurna dilaksanakan.
- (2) Jaminan tersebut hendaklah diberikan mengikut cara yang ditetapkan pada masa itu dalam hal penerima-penerima yang dilantik oleh mahkamah; dan penjaga yang dilantik itu hendaklah menyediakan akaun-akaunnya pada tempoh-tempoh sebagaimana yang mungkin diperintahkan, dan hendaklah membayar sebarang baki yang diperakui kena dibayar daripadanya ke dalam mahkamah mengikut cara yang ditetapkan bagi penerima-penerima.

17. (1) Penjaga harta seseorang kanak-kanak hendaklah tidak, tanpa kebenaran mahkamah atau seseorang hakim —

Had kuasa  
penjaga.

(a) menjual, menggadai-janji, menukar ataupun dengan cara lain melepaskan sebarang harta alih atau tak alih daripada milik kanak-kanak tersebut; atau

(b) memajakkan sebarang tanah kepunyaan kanak-kanak tersebut selama suatu tempoh yang melebihi dari satu tahun.

(2) Sebarang pelupusan harta seseorang kanak-kanak dengan melanggar bab ini boleh diisytiharkan tidak sah, dan atas perisytiharan itu hakim boleh membuat perintah yang didapati perlu bagi memulangkan harta yang dilupuskan itu kepada estet kanak-kanak tersebut.

(3) Mahkamah atau seseorang hakim hendaklah tidak membuat sebarang perintah di bawah cerai (1) melainkan jika diperlukan atau patut bagi kepentingan kanak-kanak tersebut.

18. Penjaga harta seseorang kanak-kanak hendaklah tidak, melainkan jika dalam sebarang hal mahkamah atau seseorang hakim memerintahkan dengan cara lain, diberi kuasa untuk memberi pelepasan yang sah bagi sebarang legasi atau wang modal lain yang kena dibayar kepada atau kena diterima oleh seseorang kanak-kanak.

Penjaga tidak  
boleh memberi  
pelepasan bagi  
harta modal.

19. (1) Penjaga harta seseorang kanak-kanak boleh membuat peruntukan yang munasabah dari pendapatan harta tersebut untuk nafkah dan pendidikannya, dengan memberi perhatian kepada taraf kehidupannya, tetapi tiada jumlah wang yang melebihi dari satu ribu ringgit sebulan boleh digunakan tanpa kebenaran mahkamah atau seseorang hakim.

Penjaga boleh  
menyara kanak-  
kanak dari  
pendapatan.

(2) Jika pendapatan harta kanak-kanak itu dalam tangan penjaga tersebut tidak mencukupi bagi tujuan itu, atau wang diperlukan untuk kemajuan kanak-kanak tersebut, seseorang hakim boleh memerintahkan supaya peruntukan bagi tujuan itu dibuat dari modal harta kanak-kanak tersebut, dan bagi tujuan itu boleh membenarkan mana-mana bahagian harta kanak-kanak tersebut dijual atau digadai-janji, dan memberi arahan berhubung dengannya sebagaimana yang mungkin diperlukan bagi kepentingan-kepentingan kanak-kanak tersebut.

20. (1) Jika didapati, dengan memberi perhatian kepada taraf kehidupan seseorang kanak-kanak dan nilai hartanya dan semua hal keadaan kes, mustahak bahawa harta modal kanak-kanak tersebut seharusnya disediakan untuk nafkah, pendidikan atau kemajuannya mengikut cara bagi mengelakkan perbelanjaan permohonan kepada

Perintah khas  
dalam hal estet  
kecil.



mahkamah, seseorang hakim boleh, sebagai ganti melantik penjaga harta kanak-kanak tersebut, memerintahkan bahawa semua harta kanak-kanak tersebut apa pun perihalnya hendaklah diletakkan dalam tangan seseorang yang akan dilantik oleh hakim tersebut, orang itu berkuasa penuh untuk mengendalikan dan menggunakannya bagi tujuan tersebut atas budi bicara tunggal dan tanpa kawalannya. Dalam hal tersebut, penerimaan orang yang dilantik itu adalah pelepasan yang sah bagi mana-mana orang yang membuat sebarang pembayaran atau pemindahan sebarang harta kepadanya bagi pihak kanak-kanak tersebut.

(2) Mana-mana orang yang dilantik itu boleh diperintahkan oleh mahkamah atau seseorang hakim supaya memberi suatu keterangan mengenai urusannya dengan aset kanak-kanak tersebut.

(3) Mahkamah atau seseorang hakim boleh atas sebarang sebab yang mencukupi melepaskan sebarang perintah, atau membatalkan sebarang lantikan, yang dibuat di bawah cerai (1), dan boleh melantik orang lain dengan kuasa yang sama atau kuasa yang lebih besar atau kurang yang mungkin didapati patut, atau boleh melantik penjaga harta kanak-kanak tersebut.

Permohonan  
untuk meminta  
pendapat dsb.

21. Seseorang penjaga boleh memohon kepada seseorang hakim untuk meminta pendapat, nasihat atau arahnya atas sebarang persoalan mengenai pengurusan atau pentadbiran harta kanak-kanak tersebut.

Kekecualian  
bagi wang yang  
dibayar masuk  
ke dalam  
mahkamah  
rendah.

22. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh dikenakan kepada sebarang wang yang dibayar masuk ke dalam mahkamah rendah ke kredit seseorang kanak-kanak dalam sebarang tindakan atau prosiding dalam mahkamah rendah atau sebarang wang dalam mahkamah rendah yang diperintahkan untuk dipindahkan ke kredit seseorang kanak-kanak, tetapi ia hendaklah dikendalikan mengikut aturan-aturan yang boleh dikenakan kepadanya, melainkan jika dalam sebarang hal mahkamah atau seseorang hakim mengarahkan dengan cara lain.

Aturan-aturan.

23. Ketua Hakim boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan pada amnya untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Pengecualian.

24. Sebarang prosiding berkenaan dengan penjagaan seseorang kanak-kanak yang telah dimulakan tetapi belum selesai sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah diteruskan dan diselesaikan seolah-olah Perintah ini belum dibuat.

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1420  
bersamaan dengan 3 haribulan Julai, 1999 di Istana Nurul Iman Beta,  
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM